

Pk. P.U. 56 (27 Jun 1984)

**Undang-Undang Kecil
Pemungutan, Pembuangan Dan
Pelupusan Sampah Sarap
(MDM) 1984.**

1

Undang-Undang Kecil
Pemungutan, Pembuangan Sampah
Dan Pelupusan Sampah Sarap
(MDM) 1984
(Akta 171)

(b) by adding immediately after item 6 the following new item 7:

"7. Cucu Raja Pemerintah:

- | | | |
|--------------------------------|-----|-----------|
| (i) Latiff bin Mohd. Salleh | ... | \$2,280 |
| (ii) Azline binti Mohd. Salleh | ... | \$1,800." |

(2) Item 6 shall be deemed to have come into force on 1st February 1984 and item 7 on 3rd February 1984.

[PSUK Pk. (Maj.) 50334 Jld. 3; PU Pk. 47/67 Bhg. II.]

MOHD. SHAHAR BIN HJ. ALANG SAIDIN,
Clerk of the Assembly, Perak

Pk. P.U. 56.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN
PELUPUSAN SAMPAH SARAP (MAJLIS DAERAH MANJUNG) 1984

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Majlis Daerah Manjung dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Manjung) 1984 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Daerah Manjung.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"bahan buangan" termasuk apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang ditolak atau rosak dalam proses pengilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;

"buangan perdagangan" ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

"buangan perindustrian" ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari apa-apa aktiviti perindustrian;

"sampah sarap taman" termasuklah daun, jejalar rumput, pokok, dahan atau tanah dari taman atau pekarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;

"sampah sarap isi rumah" ertinya apa-apa buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah sarap taman atau bahan-bahan buangan bangunan;

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Manjung dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Setiausaha.

3. (1) Penduduk tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan tong sampah dengan bibir tutup rapat tidak lebih daripada 0.08 meter padu pada isipadunya.

Tong sampah sarap isi rumah hendaklah disediakan dan disenggarakan.

(2) Semua sampah sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat kuat-kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Mana-mana kaca pecah, tin dan lain-lain benda yang tajam tepinya hendaklah dibungkus elok-elok dan dimasukkan ke dalam bekas guna-habis yang berasingan dan diletakkan dekat tong sampah untuk dipungut.

(4) Tong sampah rumah bolehlah diletakkan di tepi arked atau verandah, di sebelah luar pagar, di lorong belakang atau di mana-mana tempat lain yang sesuai di dalam kawasan rumah untuk memudah mengosongkan tong oleh Majlis Daerah Manjung.

4. (1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah telah disediakan Perbadanan Pengurusan Bangunan itu atau, jika tidak ada perbadanan seperti itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam kekok sampah.

Sampah di bangunan berbilang tingkat.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk memadamkan kekok sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah dalam bangunan itu.

(3) Penduduk hendaklah pada setiap masa menyenggarakan pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kekok sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kekok sampah tidak berada dalam keadaan yang sepatutnya baik, Yang Dipertua boleh meneruskan tindakan untuk menggantikan, membaiki atau meremedikan apa-apa kecacatan dan hendaklah menuntut amaun yang dibelanjakan mengikut cara yang diperuntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Akta 171.

5. Sampah sarap taman boleh dipungut oleh Majlis Daerah Manjung dengan dibayar sesuatu fee.

Sampah sarap di taman.

6. Apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan hendaklah dilupuskan oleh tuan punya perindustrian atau perdagangan yang berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang diselenggarakan oleh Majlis Daerah Manjung atau sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan.

7. (1) Apa-apa kereta buruk dan tidak berguna hendaklah dibuang oleh pemunya di mana-mana satu daripada tempat longgokan sampah itu.

Membuang kereta buruk dan tak berguna.

(2) Majlis Daerah Manjung boleh membuang kereta itu dengan syarat pemunya membayar suatu fee.

8. Tiada seorang pun boleh mengais atau menyelongkar, atau mengalih apa-apa jua benda, atau menumpahkan atau menyelenggarakan apa-apa jua isi kandungan, mana-mana tong sampah.

Dilarang mengganggu isi kandungan tong.

Dilarang membakar bahan buangan. 9. Tiada seorang pun boleh membakar apa-apa bahan buangan pada masa yang tidak munasabah atau di tempat-tempat yang mungkin menyebabkan kacau-gangu atau kekusaran kepada mana-mana jiran atau orang ramai.

Dilarang membuang arang, batu bakar, bahan 10. Apa-apa bahan binaan, arang batu bakar, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukan bagi membuang buangan perindustrian.

Fee. 11. Yang Dipertua boleh menetapkan amaun fee yang akan dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini melalui pemberitahu dalam *Warta*. 5/58

Kesalahan-kesalahan. 12. Sesiapa jua yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Diperbuat pada 29hb Februari 1984.
[MDM U/1/1/14; PU Pk. 59/72.]

ISMAL BIN SHAH BODIN,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Manjung

Disahkan pada 27hb Jun 1984.
[PSUK Pk. (KT) 21158/4.]

MOHD. SHAHAR BIN HJ. ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL (DISTRICT COUNCIL OF MANJUNG) BY-LAWS, 1984

Act 171.

In exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 the Manjung District Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation and application.

1. These by-laws may be cited as the **Refuse Collection, Removal and Disposal (Manjung District Council) By-Laws 1984** and shall only apply to the Manjung District Council area.

Interpretation.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires—

“commercial waste” means any waste matter generated by any commercial activity;

“industrial waste” means any waste matter generated from any industrial activity;

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of Manjung District Council and includes the Secretary;

"waste matter" includes any by-product, article or goods rejected or damaged on the process of manufacture, with or without commercial value.

3. (1) The occupier of every house shall provide and maintain with close fitting lids of not more than 0.08 cubic metres in volume. Household refuse bins to be provided and maintained.

(2) All household refuse shall be put into plastic bags to be securely fastened before being put into the refuse bins.

(3) Any broken glass, cans and other objects with cutting edges shall be safely wrapped and put in a separate disposable receptacle and placed close to the refuse bin for collection.

(4) The household refuse bin may be placed on the edge of the arcade or verandah, outside the gate, on a back-lane or at any other convenient place within the compound of the house to facilitate the emptying of the bin by the President.

4. (1) In a multi-storey building where a refuse chute has been provided, the Management Corporation of the building or if there is no such corporation the occupier of the building shall provide and maintain a refuse bin which shall be placed the refuse chamber. Refuse in the multi-storey buildings.

(2) The refuse bin shall be of a sufficient size to fit the refuse chamber provided at the bottom of the refuse chute in the building.

(3) The occupier shall at all times maintain the refuse chute, the metal hopper of the chute and the metal door to the refuse chamber.

(4) Where the refuse bin, the refuse chute, the metal door, the metal hopper or the refuse chamber is not in a proper working condition, the President may proceed to replace, repair or remedy any defect and shall recover the amount spent in the manner provided in the Local Government Act 1976. Act 171.

5. Garden refuse may be collected by the President on payment of a fee. Garden refuse.

6. Any industrial waste or commercial waste shall be disposed by the respective industry or commercial establishments at one of the dumping grounds maintained by the President or in the manner as directed by the President. Removal of industrial waste and commercial waste.

7. (1) Any derelict and unwanted vehicle shall be disposed at one of the dumping grounds by the owner. Removal of derelict and unwanted vehicle.

(2) The President may dispose such vehicles on payment of a fee by the owner.

8. No one shall rake or grub in, or remove anything from, or spill or scatter any of the contents or, any refuse bin. Prohibition on tampering with contents or bins.

9. No one shall burn any waste material at unreasonable times or places which may cause nuisance or annoyance to any neighbour or the public. Prohibition on burning of waste material.

Prohibition on the disposal of burning charcoal, explosive substance, etc.

10. Any building material, burning charcoal highly inflammable or explosive substance shall not be put into domestic refuse bins or any other bins provided for the collection of refuse but shall be disposed of in the manner provided for the removal of industrial waste.

Fees.

11. The President may prescribe the amount of fees to be imposed under these by-laws by notification in the *Gazette*.

Offences.

12. Anyone who contravenes any provision of these By-laws commits an offence.

Made this 29th day of February 1984.
[MDM U/1/1/14; PU Pk. 59/72.]

ISMAIL BIN SHAH BODIN,
President,
District Council of Manjung

Confirmed this 27th day of June 1984.
[PSUK Pk. (KT) 21158/4.]

MOHD. SHAHAR BIN HJ. ALANG SAIDIN,
Clerk, State Executive Council, Perak